



SAMBUTAN HARI JADI BAGINDA QUEEN DI-BANDAR BRUNEI

SATU ISTIADAT BERBARIS kerana menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II telah di-langsungkan di-Bandar Brunei pada pagi hari Khamis 13 June, 1957.

Istiadat berbaris telah di-adakan di-Jalan Elizabeth II ia-itu di-hadapan Bangunan Pejabat2 Keraja'an, dalam mana duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan Yang Berhormat Tuan British Resident, J.O. Gilbert telah mengambil bahagian dalam istiadat yang bersejarah itu.

Pada pagi hari itu ramai Pegawai2 Keraja'an, Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri, para pembesar dari berbagai bangsa, murid2 sekolah, Pengakap2 lelaki dan perempuan, Pasokan2 dari Jabatan Customs dan Marine, dan Pasokan Palang Merah telah juga ikut sama meraikan di-tempat2 yang di-tentukan.

Tepat pukul 8.10 pagi itu maka Pasokan Police dengan di- ketui oleh A.S.P. Pengeran Jaya, O.C.P.D. Brunei pun tiba di-hadapan Bangunan Pejabat2 Keraja'an dan berdiri di-hadapan pentas.

Kemudian Duli Yang Maha Mulia Sultan tiba pada pukul 8.25 pagi itu dengan di-turuti oleh Yang Berhormat Tuan British Resident.

Sasudah Tuan British Resident memeriksa Barisan Kehormatan terdiri dari Pasokan Police dan Lain2 upacara pun di-jalankan, maka Tuan British Resident telah mendahului 3 kali sorak untuk Baginda Queen serta di-ikuti oleh para hadzigin. Kemudian Pasokan Police telah berbaris melalui di-hadapan Tuan British Resident, dan Upacara itu oun di-tamatkan.

PEMBUKA'AN RASMI PUSAT TELEPHONE AUTOMATIC DI-BELAIT

Seri Paduka Duli Yang Teramat Mulia Pengeran Pemancha telah menyempurnakan istiadat Pembuka'an rasmi Pusat Telephone Automatic yang harus sahaja selesai di-benakan di-Kuala Belait pada hari Sabtu 1 haribulan June yang lalu dengan di-saksikan oleh ramai bilangan Pegawai2 Keraja'an dan lain2-nya.

Sabelum menyempurnakan istiadat yang bersejarah itu, Yang Teramat Mulia telah di-perkenalkan kepada ahli2 teknik yang bertanggung jawab bagi memasang alat2 Pusat Telephone Automatic itu dan juga kepada pehak2 yang telah berkerja kuat bagi membangunkan pusat itu.

PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI

Majlis Mashuarat Negeri telah mengadakan persidangan-nya pada sepanjang hari Rabu 29 May, 1957, bertempat di-Lapau Brunei.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah memimpin Majlis itu dan di-hadziiri oleh ke-semua Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri.

PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT DAERAH BRUNEI

Majlis Mashuarat Daerah Brunei telah mengadakan persidangan-nya di-Lapau pada pagi hari Ithnin 22 May, 1957, dengan di-pengurusikan oleh Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohammed Daud serta di-hadziiri oleh ke-banyakkan daripada ahli2-nya.

Di-antara keputusan2 yang mustahak yang telah di-persetujui dalam persidangan itu ia-lah Majlis Mashuarat Daerah Brunei mencha-dangkan supaya Keraja'an mengadakan sebuah Sekolah Latehan Police oleh kerana memandang pada masa ini Negeri Brunei belum mempunyai ban-yak pegawai2 Police yang terlately.

Majlis itu juga menchadangkan supaya pehak yang berkuasa menga-dakan pasckkan Marine Police untok bekerja sama dengan Pasokkan Police biasa bagi mengawal ketenteraman dan ke-amanan dalam Negeri ini.

PERSIDANGAN PENGHULU2 DAN KETUA2 KAMPONG SAERAH BELAIT

Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-daerah Belait telah mengadakan Persidangan Bulanan mereka di-Pejabat Keraja'an Kuala Belait pada 29 Ma-yang lalu, Majlis itu di-pengurusikan oleh Penolong Resident, Belait Mr G.L. Thomas dan di-hadziiri oleh ke-banyakkan daripada Penghulu2 dan Ke-tua2 Kampong di-Daerah Belait.

Persidangan itu telah membinchangkan dan mempersetujui beberapa perkara yang mustahak.

Persidangan mereka yang akan datang akan berlangsung di-tempat it juga pada pagi hari Ithnin 29 July yang akan datang.

RANCHANGAN PERKEMBANGAN NEGERI

Dua orang Anggota dari Sharikat Borneo Motors, dengan di-ketuai oleh Tuan T.F. Weaving dan di-bantu oleh Tuan M. Hamers yang juga men-jad wakil untok Timor Jauh, Sharikat Massey-Harris-Ferguson telah tiba di-sini dari Malaya pada 29 May, 1957.

Kedua2 mereka itu telah mengadakan pertunjokkan bagaimana menggu-nakan jentera2 yang di-buat oleh Sharikat mereka di-Pusat Penchuba'an Menanam Padi Sawah di-Mulaut pada hari Ithnin 3 June, hari Thalatha 4 June dan pada hari Rabu 5 June yang lalu.

Tuan Hamers telah mulai melawat ka-Negeri ini pada bulan April tahun ini dan telah berada di-sini selama beberapa hari. Dalam masa it beliau telah menyiasat mengenai hal ehwal untok mengadakan pertunjokkan berkena'an menanam padi2 sawah dengan menggunakan jentera2.

Samenjak lawatan-nya ka-tempat itu pada bulan April yang lalu, ka-ta-nya, ia sangat-lah tertarek hati melihat kemajuan yang telah di-per-olehi di-sana, sambil menyatakan bahawa Sharikat-nya bernasib baik men-dapat kerjasama dari pehak Keraja'an Brunei yang t e l a h sanggup

hendak membenarkan

hendak membenarkan sharikat-nya memberi pertunjokan kapada petani² di-Negeri ini perkakas² dan jentera² yang baharu bagi menanam dan menuai padi yang di-buat khas oleh kilang sharikat itu di-Bangalore, India.

Kedua²-nya itu telah berada di-sini selama enam hari dan pada masa ini mereka telah pun berangkat ka-Negeri Kelantan, Persekutuan Tanah Melayu untuk mengadakan pertunjokan yang sedemikian di-sana pula.

PERSIDANGAN PEGAWAI² PENERANGAN DAN RADIO DI-BORNEO BRITISH

Persidangan Pegawai² Penerangan dan Radio di-kawasan Borneo British telah berlangsung di-Studio Radio Brunei pada hari Ithnin 10 haribulan June, 1957 dengan di-hadziiri oleh wakil² dari Sarawak dan Brunei.

Wakil² itu ia-lah: Sarawak - Tuan Philip Jones, Pegawai Penerangan Negeri Sarawak mewakili Sarawak dan Inche' Sallah Askor, Pengelola bahagian Melayu di-Radio Sarawak mewakili Radio Sarawak. Brunei - Yang Berhormat Pengeran Mohamad Yusuf bin Pengeran Haji Abdul Rahim, Pegawai Penerangan Negeri Brunei mewakili Pejabat Penerangan Brunei dan Tuan John Duclos, Station Manager bagi Radio Brunei mewakili Radio Brunei.

Oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat di-elakkan, maka pihak Kerajaan Borneo Utara tidak-lah dapat menghantarkan wakil-nya untuk menghadiri persidangan itu.

Tujuan mengadakan persidangan tersebut ia-lah untuk merundingkan perkara² yang mustahak yang di-jalankan oleh perhidmatan² Penerangan dan Pemancaran Radio di-kawasan² Borneo British.

Wakil² ka-persidangan itu telah melawat ka-pusat Pertanian di-Kilanas dan ka-pusat Ternakkan Binatang² di-Jerudong pada hari Thalhah di-bawah kelola'an Pegawai Pertanian Negeri, Inche' Hamidun bin Awang Damit.

Kemudian mereka telah pergi ka-Tutong untuk makan tengah hari dan berihat di-Istana Pantai. Salepas itu mereka pun melawat ka-pusat Perubatan di-Tutong dan ka-tempat bekas Transmitting Station, Radio Brunei di-Tutong.

Kemudian mereka melanjutkan lawatan mereka ka-Sultan Omar Ali Saifuddin College, Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamal-ul-Alam, Sekolah Perampuan Raja Isteri Fatimah dan ka-tempat kediaman penuntut² pada hari Rabu di-bawah kelola'an Pegawai Pelajaran Negeri, Tuan H.J. Padmore. Lawatan mereka yang terakhir ia-lah ka-Sekolah Melayu Berakas, Brunei.

Tuan Philip Jones dan Inche' Sallah Askor telah balek ka-Kuching dengan kapal Kerajaan Sarawak "Zahora" bersama² dengan Tuan Chief Secretary, Sarawak, Yang Berhormat J.H. Ellis pada petang hari Rabu 12 haribulan June, 1957.

PERSEKUTUAN PENUNTUT² BORNEO DI-AUSTRALIA

Penuntut² dari Brunei, Sarawak dan Borneo Utara yang pada masa ini sedang menuntut di-Victoria, Australia telah menubuhkan sa-buah persekutuan yang di-namakan "The Borneo Students Association of Victoria" pada 5 haribulan April tahun ini.

Pegawai² persekutuan itu.....

Pegawai2 Persekutuan itu ia-lah Mr James Yapp sebagai Yang di-Pertua, Mr Teo Why Tze sebagai Naib Yang di-Pertua dan Bendahari, Abang Bohari sebagai Setia Usaha dan Miss Florence sebagai Penolong Setia Usaha.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Baba Michael Chong (dari Brunei), Mr David Yii (dari Sarawak), dan Mr Sardool Singh Gill (dari Borneo Utara).

Persekutuan itu ada-lah terbuka kepada sebarang orang dari Brunei, Sarawak dan Borneo Utara yang sedang menuntut di-Victoria ya sedang berlateh di-dalam sebarang kursus, dan juga kepada sebarang orang yang ingin memasoki persekutuan itu.

Tujuan mengadakan Persekutuan Penuntut2 Borneo di-Australia it ia-lah untuk merapatkan perpaduan dan juga perhubungan kebajikan di antara penuntut dari Brunei, Sarawak dan Borneo Utara, serta menjadi kan persekutuan itu sebagai sa-buah pusat perhubungan penuntut2 dari negeri2 di-kawasan Borneo British yang belajar di-Victoria, dan juga untuk mengembangkan perpaduan di-antara penduduk Australia dengan penuntut2 dari Borneo British di-Australia.

REGISTRAR GENERAL NEGERI BRUNEI

Mr G.H. Gettens, sa-orang Pegawai Undang2 di-Pejabat Registrar General di-Sydney, Australia telah di-pinjamkan oleh Kerajaan Australia kepada Kerajaan Brunei untuk berhidmat di-sini sebagai sa-orang Registrar General.

Diantara pekerja'an yang di-lakukan oleh beliau itu ada-lah mengandongi pentadbiran mengenai hal ehwal yang bersangkutan paut dengan pendaftaran sharikat2 dan sebagai-nya.

Mr Gettens telah menjadi sa-orang tawanan peperangan pada masa Pemerintahan Jepun di-Sandakan dan kemudian di-Kuching di-antara tahun 1942 dengan tahun 1945.

Beliau berasa sukachita mendapat peluang hendak memberi pertolongan kepada penduduk2 di-Negeri ini sebagai satu tanda membalas jasa kepada penduduk2 di-Borneo terhadap orang2 Australia yang telah menjadi orang tawanan peperangan pada masa pemerintahan Jepun dahulu.

PENSHARAH UNIVERSITY AMERICA KA-BRUNEI

Dr Willard H. Hanna, sa-orang pensharah bahagian siasah dan economic dari University2 di-America Sharikat telah tiba di-Brunei dari Kuching baharu2 ini dan telah pun berangkat kembali ka-America Sharikat melalui Singapura dan lain2 negeri.

Beliau telah berhidmat di-beberapa buah negeri di-Timor Jauh semenjak kira2 25 tahun. Setelah balik ka-America Sharikat nanti, Dr Hanna akan memberi sharahan2 mengenai hal ehwal negara2 di-Asia Raya di-beberapa buah University2 di-sana.

Dalam masa yang singkat beliau berada di-sini, ia telah melawat ka-Pejabat Penerangan, ka-Studio Radio Brunei, ka-Kampong2 Ayer dan ka-lain2 tempat yang mustahak.

Di-antara bangunan2 yang ia telah lawati di-Brunei ini, ia berasa gemar kepada bangunan Masjid, bangunan2 sekolah, Pejabat2 Kerajaan dan lain2 bangunan yang indah2.

Beliau berchadang akan mengarang sa-buah buku mengenai hal ehwa Ranchangan Perkembangan Negeri ini pada masa hadapan kelak.

MENINGGAL DUNIA DI-MADINA

Zauyah bintee Ahmad, sa-orang jama'ah Haji yang telah berangkat dari Brunei ka-Tanah Suchi tidak berapa lama dahulu telah meninggal dunia di-Madina pada 22 haribulan May, 1957. Demikian menurut satu akhbar yang telah di-terima oleh Pejabat Pegawai 'Adat Istiadat, U gama dan Kebajikan Negeri Brunei.

Allah Ya-Rahim itu berusia 90 tahun salah satu dari penduduk2 Kampong Kasat, Brunei

LANTEKAN2 BAHARU

Pengeran Abdul Rahman bin Pengeran ^Haji Abdul Rahin telah di-lantek sebagai sa-orang Penolong Pemungut Hasil2 Tanah (bahagian Pentadbiran Pejabat) mulai daripada 11 May, 1957.

Inche' Mohamed Ali bin Awang Besar telah di-lantek sebagai sa-orang Penolong Pemungut Hasil2 Tanah (bahagian Taksiran Tanah) mulai dari 11 May, 1957 juga.

Inche' Mohamed Salleh bin Abdul Kadir telah di-lantek menjadi Penolong Pegawai Pengerangan mulai dari 4 June tahun ini. Sabelum memegang jawatan yang baharu ini, beliau telah menjadi sa-orang Kerani Superscale di-Pejabat British Resident.

Inche' Abdul Rahman bin Ahmad satiba-nya di-sini dari Singapura telah di-lantek menjadi Pegawai Pengeluaran Lisen dan Pemerek-sa kereta2 dalam Negeri Brunei.

Dr Jap Kon Seong telah di-lantek menjadi sa-orang Pegawai Per-ubatan di-Rumah Sakit Besar di-Bandar Brunei. Sabelom memegang jawa-tan yang baharu ini beliau telah berhidmat sebagai sa-orang Doktor di-England selama bebeeapa tahun.

Tuan E.H. Mutton, State Marine Officer, Brunei telah di-lantek menjadi sa-orang Pegawai Custom mulai dari 1 haribulan June, 1957.

RUMAH TUMPANGAN UNTUK PENUNTUT2 BRUNEI DI-SINGAPURA

Pengeran Kamaluddin, sa-orang Anggota dari Pejabat Kebajikan Masharakat di-sini telah berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang pada hari Rabu 12 haribulan June untuk menguruskan perkara mengenai rumah tumpangan penuntut2 dari Brunei yang sedang belajar di-Singapura.

Sementara itu 15 orang penuntut2 Brunei yang menuntut di-Sekolah Arab Aljunid, Singapura telah berangkat dari Brunei ka-Singapura pada hari Ithnin 10 haribulan June yang lalu, dengan kapal "Kimanis".

Merek2 itu ia-lah: Penuntut2 yang lama - Yahya bin Ibrahim, Ibrahim bin Haji Ismail, Md Basiuni bin Othman, Bahar bin Tengah, A. Hamid Tamat, Ismail bin Abdul Latif, Abd. Aziz bin Junid, A. Saman bin A. Kahar, Md Saidun bin Othman, dan Suhaili bin Mohiddin.

Penuntut2 yang baharu - Malai Ahmad bin Malai Mashor, Ak. Badarud-din bin P.H. Ismail, dan Abdul Rahman bin Mahmood.

PERLUMBA'AN MOTOR SANGKUT BRUNEI/KUCHING DI-BRUNEI

DULI YANG MAHA MULIA AL-SULTAN MENGUCHAPKAN TAHNIAH KAPADA
PARA PELUMBA

Upachara perlumba'an motor sangkut di-bawah ri'ayah Brunei Rowing Club yang telah di-langsungkan di-Sungai Brunei pada petang hari Sabtu 8 June dan di-tamatkan pada petang hari Ahad 9 June tahun 1957 di-antara Brunei dan Kuching telah selamat di-selenggarakan dengan gembira dan memuaskan. Upachara menyampaikan hadiah2 kepada para pemenang telah pun di-langsungkan di-rumah Persekutuan Brunei Sports Club.

Di-antara para hadziran di-Majlis itu, termasuk-lah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin; Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri; Yang Berhormat Tuan British Resident; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Yang Berhormat Chief Secretary Sarawak Mr. J.H. Ellis; dan beberapa orang Pegawai2 Keraja'an.

Brunei telah menang dalam perlumba'an itu dengan mendapat markah 151 mata, dan Sarawak mendapat markah sebanyak 108 mata.

Pengiran Momin dari Brunei telah menjadi Johan antara pemandu2 yang bertanding telah mendapat sebanyak 55½ markah.

Istiadat menyampaikan Piala2 Perak kepada para pemenang telah di-selenggarakan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Besar, iaitu Isteri kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

Sabelum di-langsungkan upachara menyampaikan hadiah2, President Perlumba'an terma'alum, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud telah mengucapkan terima kaseh kepada para hadziran atas nama Brunei Rowing Club. Beliau berharap semoga perlumba'an yang sedemikian akan dapat berjalan saterus-nya; apakala memandang bahawa para pelawat dari Kuching dan para penduduk di-sini sangat2 gemar mengambil bahagian dan bekerjasama dalam temasha tersebut.

Tuan A.G. Smith, atas nama Kuching Boat Club, telah membalas ucapan mengatakan antara lain, ucapan satinggi2 terima kaseh kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang ia sangat2 mengambil berat mengenai Temasha Perlumba'an terma'alum dan dengan bersusah payah menghantarkan kapal "BOLKIAH" ka-Kuching kerana membawa para pelumba disana ka-Brunei ini, dan juga menghantar mereka balek ka-Kuching. Beliau menyambung kata bahawa penduduk2 di-sini amat-lah mesra di-dalam pergaulan mereka dengan para pelawat dari Kuching dan atas ini beliau melanjutkan terima kaseh-nya kepada rakyat Negeri ini.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang telah di-jemput memberi ucapan di-Majlis itu, telah mengucapkan terima kaseh kepada Tuan Chief Secretary, Sarawak, Tuan J.H. Ellis atas kesudian-nya dengan bersusah payah datang ka-Brunei kerana menyaksikan Temasha yang gilang gemilang itu. Duli Yang Maha Mulia telah mengucapkan terima kaseh serta tahniah kepada pemandu2 yang menang dan yang kalah dalam perlumba'an tersebut. Sungguh pun Kuching telah kalah dalam perlumba'an itu, kata Baginda, jangan-lah mereka berasa kechewa, dan hendak-lah mereka berikhtiar untuk memperolehi ke-menangan pada Temasha Perlumba'an Kedua2 Pelabohan ini pada masa akan datang kelak.

Di-antara lain-nya yang memberi ucapan di-Majlis itu termasuk Tuan Paul Carson dari Brunei dan Tuan Haji Othman bin Haji Shibli dari Kuching.

Para hadziran di-masa itu telah di-jamukan dengan Jamuan Sati dan minuman oleh Brunei Rowing Club, sambil mereka di-hiborkan dengan mengadakan Joget Modern hingga upachara itu berakhir lewat malam itu.
